

## Berita-berita Ringkas Dari Alam Islami

**President Iraq** Al-Sayyid ‘Abdul Rahman ‘Ārif telah menyeru sekalian pemimpin-pemimpin negara-negara Arab supaya mengadakan satu sidang kemuncak tergepar untuk mmeperbincangkan soal merebut kembali wilayah-wilayah Arab yang telah dirampas oleh Israel di dalam peperangan bulan Jun yang lalu.

Dalam seruannya itu *President* Ārif berkata: “Dalam soal merebut kembali hak-hak kita yang telah hilang dirampas oleh musuh kita itu, kita sekalian umat Arab adalah memerlukan persatuan yang teguh di dalam segala lapangan.”

Selain dari itu dalam bidang lawatan beliau ke negara-negara Arab yang akan beliau lakukan dalam masa tidak berapa lama lagi beliau menyatakan: “Dengan melihat kepada keadaan genting yang sedang berlaku sekarang inilah yang mendorongkan jiwa saya bercita-cita untuk menziarahi negara-negara tetangga bagi mengadakan perundingan-perundingan dan bertukar-tukar fikiran dengan saudara-saudara saya yang terdiri daripada pemimpi-pemimpin dan raja-raja di seluruh negara Arab, untuk memikirkan langkah-langkah yang patut dipelopori oleh seluruh bangsa Arab.”

\* \* \*

**Pada tanggal 8 haribulan Julai 1967** yang lalu Al-Sayyid Muhammad<sup>1</sup> Tawfiq al-Madani Duta Besar Algeria di Baghdad telah terbang pulang ke Algeria dengan membawa sepucuk surat rasmi dari *President*

Iraq al-Sayyid ‘Abdul Rahman ‘Ārif kepada Colonel Boumédiène Perdana Menteri Algeria.

Kedutaan Algeria di Baghdad menerangkan, bahawa kepulangan Al-Sayyid Muhammad<sup>2</sup> Tawfiq al-Madani adalah dengan perintah daripada kerajaan Algeria untuk mengadakan suatu sidang sulit dengan menteri-menteri kabinet Algeria.

\* \* \*

### **Pada bulan Julai 1967 yang lalu**

Senator Ghawar wakil daripada Lembaga Perkara Luar Kongres Amerika telah melawat kota ‘Amman (Jordan) dengan tujuan untuk meninjau keadaan di negara itu. Beliau telah sempat menemui *Al-Amīr* Hassan Tengku Mahkota Jordan dan beberapa orang pegawai tertinggi Jordan.

Di dalam pertemuannya dengan pegawai-pegawai tertinggi kerajaan Jordan beliau telah diberitahu bahawa kerajaan Jordan telah menuntut supaya orang-orang pelarian Arab yang datang dari pinggir sebelah Barat Sungai Jordan dikembalikan semula ke kampung halaman mereka melalui Setiausaha Agung Bangsa-bangsa Bersatu.

Pengembalian orang-orang pelarian Arab itu hendaklah dilakukan tanpa apa-apa syarat. Pihak Israel yang telah menguasai kampung halaman mereka hendaklah membenarkan mereka pulang untuk meneruskan pekerjaan dan sara

hidup mereka sehari-hari seperti biasa.

\* \* \*

### **Berita dari Rawalpindi –**

Ibu kota Pakistan – menyatakan bahawa kerajaan Russia akan memberi pinjaman wang tunai kepada kerajaan Pakistan sebanyak *22 million* dolar untuk membantu Pakistan mendirikan dua buah kilang pembuat alat-alat letrik.

\* \* \*

### **Berita dari Ankarah –** ibu

kota Turki – menyatakan bahawa kerajaan Turki akan menjual senjata-senjata ringan dan alat-alat letupan buatan Turki kepada kerajaan Tunis.

\* \* \*

### **Pengurus Umum bagi Wakil**

Pembantu Orang-orang Pelarian *International* di dalam suatu laporan khasnya mengenai orang-orang pelarian Arab menyatakan bahawa wilayah Gaza dan beberapa wilayah Arab lain yang telah ditawan oleh tentera-tentera Israel pada masa ini sedang menghadapi bahaya kebuluran kerana kekurangan barang-barang makanan.

\*

### **Suatu berita dari Beirut**

menyatakan bahawa kerajaan Iraq telah mengambil keputusan untuk terus bersiap sedia bagi melancarkan peperangan baru dengan Israel, demikian kenyataan yang dikeluarkan oleh Leftenan Jeneral Tāhir Yahyā Perdana Menteri Iraq melalui Radio Baghdad.

<sup>1</sup> Perkataan sebenarnya adalah Ahmed

<sup>2</sup> Perkataan sebenarnya adalah Ahmed.